

Malaysia hasilkan produk kimia pertama kelapa sawit

HISYAMUDDIN AYUB | 21 April 2015 1:24 AM

KOTA KINABALU 20 April – Malaysia bakal menjadi peneraju di dunia dalam menghasilkan produk berasaskan bahan kimia daripada kelapa sawit untuk menggantikan bahan asas petroleum terhadap kebanyakan produk yang dihasilkan sebelum ini.

Ketua Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, menerusi projek di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) di Kompleks Bersepadu Bio-Rifeneri yang terletak dalam Kelompok Perindustrian Kelapa Sawit (POIC) Sdn. Bhd., di Lahad Datu, usaha menghasilkan produk berasaskan kelapa sawit itu akan dilaksanakan.

Jelas beliau, projek berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Genting Plantation Bhd. dan rakan niaganya, Elevance Renewable Science Inc. (Elevance), dari Amerika Syarikat (AS) itu akan menghasilkan produk kimia daripada komoditi tersebut.

"Melalui kerjasama ini, kimia yang sebelum ini dihasilkan daripada bahan yang berasaskan petroleum akan digantikan dengan bahan daripada kelapa sawit bagi menghasilkan produk seperti plastik, nilon dan beberapa jenis produk lain.

"Bukan sahaja produk daripada kelapa sawit ini dilihat lebih mesra alam sekitar, malah bahan yang diperolehi untuk membuat barangan tersebut juga dihasilkan daripada bahan mentah kekal," katanya yang ditemui dalam Majlis Perasmian Bio-Borneo 2015 yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Yahya Hussin di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta Pengarah Pusat Biodiversiti Sabah, Dr. Abdul Fatah Amir.

Mengulas lanjut Mohd. Nazlee berkata, selain menjadi negara pertama menghasilkan bahan terbitan kimia daripada kelapa sawit, Malaysia yang menjadi peneraju industri itu turut memiliki kemudahan seumpamanya di dunia.

Ujarnya, nilai pelaburan bagi projek tersebut yang menelan belanja kira-kira RM2 bilion di Lahad Datu itu dilihat mampu mengoptimumkan sepenuhnya kelebihan penanaman kelapa sawit di negara ini, sekali gus memanfaatkan Sabah sebagai salah sebuah negeri utama dalam tanaman tersebut.

Tambahnya, pelbagai usaha juga dilakukan BiotechCorp dalam menambah baik produk yang dihasilkan daripada kelapa sawit dan getah kepada satu produk bermutu tinggi menerusi keupayaan dan kekuatan sistem bioteknologi negara.

"Seperkara yang penting untuk Malaysia ialah menterjemahkan bahan biodiversiti yang ada di negara ini untuk dikomersialkan, sekali gus memberi pulangan besar kepada negara dan masyarakat.

Katanya, bukan sahaja memberi peluang kepada penduduk di luar bandar mendapat manfaat daripada usaha tersebut, malah meletakkan negara berada pada landasan terbaik untuk mengungguli bidang bioteknologi terutama dalam industri kosmetik dan kesihatan.

"Negara mempunyai bahan biodiversiti yang banyak dan apa yang perlu dilakukan adalah menukar bahan bio ini kepada bahan yang lebih bernilai tinggi. Menterjemahkan ilmu tradisional kepada sains, seterusnya menjadikan produk yang boleh dikomersialkan," jelasnya.

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

ekonomi@utusan.com.my